

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
KAWASAN : ALOR SETAR
TARIKH : 13.11.2014 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 29

YB. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tujuan permintaan Proton bagi geran RM1.7 bilion daripada Majlis Ekonomi dalam Julai 2014, dan sama ada permintaan itu telah diluluskan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah menjadi kelaziman bahawa setiap permohonan untuk mendapatkan geran R&D dinilai secara terperinci sebelum dipertimbangkan. Penilaian sama turut dibuat terhadap permohonan yang dikemukakan oleh PROTON. Ini bagi memastikan tahap sumbangan projek R&D ini ke atas pembangunan industri automotif negara serta untuk menilai jumlah yang dipohon. Justeru, Kerajaan sedang mengkaji permohonan geran R&D dan latihan tersebut dan ia masih dalam pertimbangan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, permohonan geran tersebut adalah bagi menampung perbelanjaan R&D yang dicadang dilaksanakan oleh PROTON dalam tempoh 5 tahun. Antara teknologi utama yang dicadang adalah, dengan izin, *advanced technology integration* dan *powertrain and platform rationalisation*.

Melalui teknologi terkini ini, PROTON dapat mencapai sasaran pengurangan kos pengeluaran dengan membina platform asas yang boleh diubahsuai untuk kegunaan tujuh model kenderaan yang dicadang dikeluarkan oleh PROTON, di samping meningkatkan kecekapan penggunaan bahan api.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

SOALAN : 30

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan aksiom dan model penubuhan Suruhanjaya Penerbangan secara terperinci supaya ianya bebas, berkecuali dan bertanggungjawab, menitik beratkan antara lain kesaksamaan persaingan serta ketelusan penetapan caj oleh semua pemain demi manfaat pengguna tanpa menjejaskan prospek pertumbuhan industri mampan, sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji penubuhan Suruhanjaya Penerbangan termasuk aksiom dan modelnya.